

05/01/1997

Punca kejayaan misi khas ke Peru

TAHNIAH atas kejayaan Datuk menjalankan misi khas kerajaan mendapatkan pembebasan awal Ahmad Mokhtar. Apakah kejayaan itu hasil kerjasama dan hubungan diplomasi yang sedia terjalin?

Terima kasih. Itu memang benar sekali. Kalau tidak masakan Presiden Peru, Alberto Fujimori sanggup menerima dan melaksanakan permintaan kita. Masa saya jumpa dia, saya nyatakan kita sedar dia menghadapi tekanan cukup hebat pada masa itu kerana antara tebusan itu juga ada ahli keluarganya. Apakan daya, saya kata tujuan datang ke sini (Lima) kerana permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan serta rakyat Malaysia. Saya perlu sampaikan permintaan ini kepada Presiden. Saya serah kepada Fujimori apa juga cara yang dia hendak gunakan untuk membebaskan Ahmad Mokhtar. Saya memberi perakuan kerajaan menyokong penuh beliau untuk menyelesaikan krisis tahanan itu, tanpa menyebabkan kematian tebusan.